

Maqamat kesufian dalam syair Hamzah Fansuri

ABSTRAK

Al-Qusyayri dalam bukunya yang berjudul *al-Risalah al-Qusyayriyyah* telah menjelaskan sebanyak empat puluh sembilan (49) Maqamat kesufian secara terperinci. Antaranya ialah, taubat, mujahadah, zuhud, takut, tawakkal, muraqabah, ‘ubudiyyah, istiqamah, zikir, doa, tauhid, mahabbah, sawq. Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauhmana konsep kedudukan (maqamat) kesufian telah diterapkan oleh Hamzah Fansuri dalam syair kesufiannya. Hamzah Fansuri yang dianggap penyair sufi yang tersohor di Nusantara abad ke-16 ini telah menggunakan syair sebagai salah satu kaedah untuk menyampaikan ajaran agama Islam dan maqamat kesufian. Teks syair Hamzah Fansuri yang digunakan dalam kajian ini ialah Lampiran (I) Syair-Syair Syeikh Hamzah Fansuri Dalam Naskhah Jakarta MS Jak. Mal. No. 83, dan Lampiran (II) Bait-Bait Hamzah Fansuri dalam buku ”Tasawuf Yang Tertindas” tulisan Abdul Hadi Wiji Muthari, terbitan Paramadina, Jakarta, 2001. Hasil kajian mendapati bahawa syair-syair Hamzah penuh dengan maqamat kesufian seperti taubat, zuhud, meninggalkan syahwat tawakal, murah hati, takut, khusuk dan tawaduk, cinta dan sebagainya. Kesemua maqamat yang diterapkan itu merupakan ajaran syariat Islam dan Sunnah Nabi (S.A.W) yang diperlukan dalam ajaran kesufian.

Katakunci: Maqamat; Kesufian; Ajaran; Syair; Hamzah Fansuri